



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



HUBUNGKAIT DIANTARA KEPIMPINAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY, ICT)

RELATIONSHIP BETWEEN LEADERSHIP AND INFORMATION AND COMMUNICATIONS TECHNOLOGY (ICT)

Saidatul Badru Mohd. Said^{1*}, Ismail Ali^{2*}, Mohd. Sohaimi Esa^{3*}, Saifulazry Mokhtar⁴, Irma Wani Othman⁵

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: badrusaid@yahoo.com

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: ismailrc@gmail.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Said, S. B. M., Ali, I., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Othman, I. W. (2023). Hubungan-kait diantara Kepimpinan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology, ICT). *International Journal of Law, Government and Communication*, 8

Abstrak:

Kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan berkaitan hubungan-kait signifikan diantara kepimpinan dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communications Technology, ICT) berdasarkan lensa tempatan (Malaysia). Bagi tujuan tersebut, pendekatan kualitatif digunapakai untuk memastikan maklumat kajian yang diperlukan dapat diperolehi dengan sebaik mungkin apabila segala maklumat diperolehi daripada sumber sekunder dan temubual bersama 5 orang informan kajian yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Dalam pada itu, kajian ini mendapati bahawa ICT mempunyai peranan yang penting kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam era globalisasi ini. Perkembangan ICT telah menyebabkan masyarakat semakin mudah untuk melakukan pekerjaan mencari maklumat dan sebagainya. Bertepatan dengan dapatan kajian ini maka adalah diharapkan dengan adanya maklumat berkenaan berkaitan signifikan diantara kepimpinan dan ICT maka usaha merencana pembangunan negara yang mapan dapat terus dijana.

(32), 390-396.

DOI: 10.35631/IJLGC.832029.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

Globalisasi, Kepimpinan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Abstract:

This paper presents a discussion on the relationship between leadership and Information and Communications Technology, ICT) through the local lens (Malaysia). For this reason, the qualitative approach used to ensure all the required information be gathered successfully from secondary sources and interview with 5 informants which were selected using purposive sampling technique. The study found that ICT has an important role for various layers of society in this era of globalization. The development of ICT has made it easier for people to find information and so on. Accordingly, in line with the findings, it is hoped that the information on significant relationship between leadership and ICT contributes to the creation of sustainable national development.

Keywords:

Globalisation, Leadership, Information and Communications Technology (ICT)

Pengenalan

Pemimpin adalah seorang individu dalam satu kumpulan yang diberi tanggungjawab memberi arahan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan bersama (Stanley, 2014). Sementara itu, konsep kepimpinan pula merujuk kepada proses yang melibatkan usaha seseorang pemimpin untuk mempengaruhi kelakuan dan aktiviti kumpulan ke arah pencapaian sesuatu hasil yang telah ditetapkan (Northouse, 2007; Bass, 1990; Chester, 1973; Esa, Ationg, Othman, Raymond, Abu Bakar, Mohd Shah & Yusoff, 2021; Ationg, Esa, Othman, Mohd Shah, Yusoff, Ramlie & Mokhtar, 2021; Esa, Ationg, Ibrahim, Othman, Muis, Zulhaimi & Muda, 2021). Dalam pada itu, pemimpin ialah seseorang yang diandaikan mempunyai keupayaan mendorong pengikut untuk bekerja kuat, menghasilkan sesuatu yang unik dan orang yang membantu lebih daripada orang yang menaikkan semangat atau mengarah. Hal ini menepati hakikat keadaan sebenar dalam kehidupan manusia apabila perkataan kepimpinan itu sendiri berakar dari kata pimpin. Perkataan pemimpin ini jelas memberi makna orang yang memimpin, membimbing, dan melatih.

Disebalik konsep kepimpinan ini, terdapat pelbagai hal yang dapat mempengaruhi proses yang dimaksudkan (Akpaprep, Jengre & Mogre, 2019). Ini termasuklah teknologi maklumat dan komunikasi (Information and Communications Technology, ICT). Namun demikian, masih kurang perhatian diberikan terhadap hubungkait diantara kepimpinan dan ICT sedangkan dalam era globalisasi ini antara perkara asas yang sewajarnya dikaitkan dengan kepimpinan ialah ICT. ICT adalah teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data yang berkaitan dengan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat. Secara tepat dan mudah, ICT merangkumi pelbagai hal seperti penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat, dan mendapatkan

maklumat tanpa mengira tempat dan waktu. Bertitik tolak dari hal ini maka dapatlah disimpulkan bahawa kepimpinan dan ICT adalah sangat penting untuk digandingkan bersama. Dalam era globalisasi ini, ICT telah menjadi sebahagian daripada keperluan asas manusia untuk melangkah ke-araf yang lebih maju. Malahan, di negara maju seperti Australia, Jerman, Rusia, Jepun dan Korea Selatan, kemajuan negara ini berkait rapat dengan bidang ICT. Oleh hal yang demikian, pemimpin di negara kita Malaysia tidak kira Perdana Menteri, pengetua sekolah, mahupun ketua keluarga sewajarnya menjadikan ICT sebagai asas pengurusan harian mereka kerana dengan cara ini, tahap kepimpinan dalam diri mereka akan dapat terus diperbaiki. Pemahaman mahupun aplikasi ICT dalam diri pemimpin sewajarnya dapat memberi impak positif kepada hasil kerja mereka dari masa ke semasa.

Pernyataan Masalah

Kerajaan Malaysia secara khusus telah berusaha menyediakan dana yang besar dalam setiap belanjawan tahunan bagi tujuan pembangunan ICT di negara ini. Hal ini termasuklah bagi tujuan perbelanjaan penyediaan satelit dan lain-lain peralatan berkaitan ICT (Mohd Norakmar, Siti Noor & Abd Latif, 2019). Selain itu, belanjawan tersebut turut melibatkan usaha meningkatkan kemahiran ICT dalam kalangan pekerja awam, khususnya para pekerja yang dipertanggungjawabkan mengetuai sesuatu jabatan mahupun agensi. Pihak swasta juga tidak ketinggalan berbuat demikian bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan era globalisasi (Thanh, 2008). Persoalannya, sejauh manakah hubungkait diantara kepimpinan dan ICT di negara ini (Malaysia)?

Metodologi

Bagi memahami persoalan yang diketengahkan, kajian telah dijalankan di Sabah, Malaysia diantara bulan Januari hingga Pertengahan Mac 2023. Kajian yang dimaksudkan dilaksanakan dengan aplikasi pendekatan kualitatif bagi memastikan maklumat kajian yang diperlukan dapat diperolehi sebaik mungkin apabila segala maklumat diperolehi melalui sumber sekunder. Sumber sekunder meliputi bahan terbitan seperti buku, jurnal, akhbar dan lain-lain jenis penerbitan berkenaan kepimpinan dan ICT di negara ini. Selain itu, maklumat kajian juga diperolehi melalui temubual bersama 5 orang informan yang dipilih menggunakan Teknik persampelan bertujuan. Berasaskan kajian ini maka adalah diharapkan perkaitan signifikan diantara kepimpinan dan ICT dapat difahami.

Hasil Kajian

Hasil kajian bagi kajian ini adalah seperti yang dipaparkan dalam setiap sub-tajuk yang diketengahkan.

Latar Belakang ICT

Sekitar tahun 1970-an, ungkapan 'teknologi maklumat' mula muncul dalam kehidupan manusia (Irfan & Nurullizam, 2011). Dalam pada itu, terdapat banyak sektor yang mengalami pertumbuhan pesat pada abad ke-20 apabila bidang elektronik, komputer dan teknologi lain mula secara aktif dibangunkan. Malahan, terdapat banyak penyelidikan yang dijalankan pada masa itu bagi membolehkan pertumbuhan seumpama itu dapat dilaksanakan. Komputer mikro telah dibangunkan pada akhir 1970an dengan komputer peribadi telah dibangunkan pada tahun 1981. Sejak itu, ICT semakin mula menguasai kehidupan manusia. ICT adalah teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data. Ia boleh digunakan untuk memproses dan mengurus maklumat yang mana maklumat tersebut boleh ditukar, disimpan, diproses, dipindahkan, dilihat dan diambil semula menggunakan komputer dan perisian tanpa mengira

lokasi atau masa. Secara umum, teknologi ini berfungsi seperti orang tengah untuk mengedarkan pelbagai jenis maklumat atas pelbagai sebab. Contohnya, pihak pengurusan dalam sektor pendidikan boleh mendapat manfaat daripada ICT dengan menggunakannya untuk membuat pilihan, berkembang mengikut peredaran masa, dan meningkatkan komunikasi dalaman. Sebenarnya ICT sangat bermanfaat dan membantu mereka (pentadbir sekolah) berfungsi dengan lebih berkesan, mudah, cepat, dan membuat keputusan yang baik melibatkan maklumat, proses dan kerja seperti pendaftaran pelajar, rekod berbeza, kawalan inventori, jadual waktu, pilihan guru, bilangan waktu mengajar, hal berkaitan peperiksaan, pembelian stok, dan sebagainya. Menurut Laudon dan Laudon (1997), sistem maklumat dan komunikasi adalah bahagian yang saling berkaitan yang mengumpulkan dan menyimpan data untuk membantu syarikat dalam membuat keputusan, merancang, mengawal dan menganalisis. Selain itu, guru yang mahir menggunakan teknologi komunikasi, seperti CD Rom, cakera padat, video, komputer, komputer mudah alih, dan perisian aplikasi komputer, seperti e-mel, pangkalan data, pemprosesan perkataan, hamparan elektronik, internet, perisian persembahan, dan lain-lain juga boleh mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber melalui ICT untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran (P&P). Matlamat utama sistem maklumat dan komunikasi, menurut Stair dan Reynolds (1999), adalah untuk membantu syarikat dalam mencapai objektif mereka dengan memberi pengurus 'wawasan' tentang operasi organisasi supaya mereka boleh mengawal, mengurus, dan merancang dengan lebih berkesan dan cekap. Sehubungan itu, bolehlah ditegaskan bahawa ICT amat penting dalam kehidupan manusia, khususnya masyarakat di Malaysia sebagai sebuah negara membangun.

Kepimpinan dan ICT di Malaysia

Setiap pemimpin biasanya dianggap perlu mempunyai kemahiran dalam teknologi jika ingin menunjukkan setiap pemimpin mempunyai kepemimpinan yang boleh dipercayai kerana kemahiran sedemikian membantu mereka menjalankan fungsi sebagai seorang pemimpin dengan baik. Menyedari hakikat ini maka rujukan terhadap hasil kajian penyelidikan tempatan terdahulu dan temubual bersama informan telah dilakukan bagi membuktikan wujudnya kesignifikan hubungan diantara kepemimpinan dan ICT di negara ini.

Dalam kajian 'implementasi ICT dan kepimpinan sekolah di sekolah-sekolah bestari dan SMJK' Zamri dan Rusmini (2008), mendapati bahawa kepimpinan muncul sebagai kategori utama dalam proses mengimplementasikan ICT di sekolah. Kajian ini juga mendapati bahawa visi pemimpin yang jelas serta pemantapan budaya ICT merupakan strategi yang dapat membezakan model-model perubahan yang dilakukan disekolah. Dalam pada itu, kajian ini juga menggambarkan dengan jelas bahawa ICT dapat membantu pembangunan staff yang berterusan. Sementara kajian persepsi guru terhadap tahap amalan kepimpinan teknologi pengetua, kompetensi ICT guru, dan penerimaan serta penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SMS) di kalangan guru di sekolah menengah Negeri Sembilan oleh Leong Mei Wei (2017), pula mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan diantara penggunaan ICT dan antara amalan kepimpinan teknologi pihak pentadbir sekolah. Ini bermakna, wujud hubungan yang erat diantara kepimpinan dan ICT dalam sektor pendidikan di negara ini. Dapatan seumpama ini tidaklah mengejutkan apabila kajian 'kepimpinan teknologi: Amalan ICT dan keberkesanan pengurusan guru di sekolah' yang dijalankan oleh Som (2016) di negara ini (Malaysia) mendapati bahawasanya ICT merupakan elemen penting dalam pembangunan sesebuah organisasi. Dalam proses tersebut, pemimpin memainkan peranan penting dalam memastikan penggunaan ICT yang berkesan dalam organisasi. Sebaliknya, ICT membantu memudahkan urusan harian dalam kalangan pihak pengurusan sesebuah organisasi.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Rusmini (2013) mengenai ‘integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam meningkatkan kemahiran insaniah murid’ di negara ini (Malaysia), didapati bahawa kepentingan ICT merupakan sesuatu yang sangat jelas dalam pelbagai bidang. Kajian ini mendapati bahawa dalam bidang pendidikan penggunaan ICT bukan hanya dapat digunakan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran tetapi yang lebih penting dalam meningkatkan proses pembelajaran murid-murid. Malahan pengkaji menegaskan bahawa matlamat mengintegrasikan ICT dalam proses atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran bukan hanya untuk meningkatkan prestasi akademik tetapi juga meningkatkan kemahiran insaniah murid-murid. Penguasaan kemahiran insaniah adalah penting untuk dikuasai oleh murid-murid kerana ianya dikatakan kemahiran yang membolehkan murid-murid bersaing dalam persekitaran yang kompetitif. Dalam pada itu, guru sebagai pemimpin di sekolah yang dipertanggungjawabkan memupuk kemahiran insaniah sewajarnya turut mengaplikasikan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Justeru ini memberi gambaran bahawa ICT dan kepimpinan sesebuah organisasi amat berkait rapat secara signifikan.

Perkara ini dijelaskan lebih lanjut oleh informan kajian ini apabila kebanyakan daripada mereka menegaskan bahawa ICT membantu seseorang pengurus atau pemimpin sesebuah organisasi menyampaikan maklumat dengan tepat serta menarik kepada para pengikut mahupun orang bawahan mereka. Menurut informan pertama (1) bagi kajian ini, *“kepimpinan dan ICT perlu dianggap sebagai dua perkara yang saling berkaitan. Ini kerana seseorang pemimpin atau pengurus memerlukan ICT bagi memudahkan urusan mereka seharian. Sebaliknya, ICT membantu mereka mempengaruhi para pengikut atau orang bawahan melakukan sesuatu secara sukarela bagi tujuan mencapai matlamat organisasi ekoran penyebaran mesej atau maklumat dengan jelas serta menarik”*. Sementara informan ke-dua (2) pula berkata, *“ICT penting untuk difahami dan seterusnya dikuasai oleh seseorang pemimpin. Halnya demikian kerana ICT memudahkan mereka menyampaikan mesej dengan tepat serta segera kepada orang yang mereka pimpin. Sudah menjadi lumrah bahawa kegagalan sesuatu mesej penting disampaikan kepada seseorang boleh menyebabkan pelbagai perkara tidak dapat dilakukan sebagaimana yang diinginkan. Malahan, jika hal ini berlaku, pekerja bawahan atau pengikut berkemungkinan menganggap mereka tidak perlu pun melakukan sesuatu”*. Maka dengan itu, informan ke-tiga bagi kajian ini menegaskan bahawa ICT amat berkait rapat dengan kepimpinan dan begitu juga sebaliknya. Beliau berkata, *“dalam era globalisasi ini, kepimpinan tidak lengkap tanpa ICT. Begitu juga sebaliknya. Oleh yang demikian, setiap organisasi haruslah menitikberatkan proses peningkatan kemahiran ICT dalam kalangan pemimpin bagi memudahkan segala urusan berkaitan pencapaian matlamat sesebuah organisasi berjalan lancar sentiasa”*. Tidak keterlaluan juga ditegaskan bahawa mana-mana pemimpin yang tidak memahami mahupun mengaplikasikan ICT dalam pekerjaan harian mereka akan berkesudahan tidak berupaya memastikan pekerja bawahan atau pengikut mereka melakukan pelbagai tugas yang perlu dilaksanakan selaras proses pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Sebagaimana menurut informan ke-empat bagi kajian ini, *“amat malang bagi sesebuah organisasi sekiranya wujud pemimpin yang bukan hanya tidak mengaplikasikan ICT tetapi turut tidak memahami sedikit pun tentang hal tersebut kerana kesannya ialah kegagalan organisasi itu berfungsi sebagaimana sewajarnya”*. Justeru, informan ke-lima bagi kajian menggesa supaya suatu usaha lebih agresif dilakukan oleh pelbagai pihak bagi memperkukuhkan kesedaran umum, khususnya para ketua sesebuah organisasi di negara tentang kesignifikanan hubungan diantara ICT dan kepimpinan. Beliau berkata, *“kepimpinan merujuk kepada kemahiran atau keupayaan seseorang mempengaruhi para pengikut melaksanakan tugas tertentu secara*

sukarela bagi mencapai matlamat yang telah terlebih dahulu ditetapkan. Oleh itu, ICT sebagai pemudahcara dalam pelbagai aspek pekerjaan sewajarnya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin di negara ini". Selaras dengan kenyataan ini maka adalah jelas bahawa ICT dan kepimpinan dianggap sebagai dua perkara penting dalam kehidupan harian masyarakat berbilang kaum di negara ini (Malaysia) yang saling berkaitan.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang diketengahkan maka sememangnya kajian ini menunjukkan bahawa ICT mempunyai peranan yang penting kepada pelbagai lapisan masyarakat dalam era globalisasi ini. Perkembangan ICT telah menyebabkan masyarakat semakin mudah untuk melakukan pekerjaan mencari maklumat dan sebagainya. Sejalan dengan itu, ICT menjadi semakin diperlukan dalam pelbagai sektor. Hal ini menyebabkan, kepimpinan dan ICT seakan tidak dapat dipisahkan lagi. Oleh yang demikian, adalah diharapkan supaya setiap lapisan kepimpinan dalam negara ini (Malaysia) berusaha untuk memahami serta mengaplikasikan ICT dalam kehidupan harian mereka. Ini bagi membolehkan mereka tidak lagi berada di arena kepimpinan yang semakin ketinggalan.

Penghargaan

Penulis mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini yang mana nama setiap daripada mereka dirahsiakan sebagaimana yang dipersetujui (Kod Projek: Project TLS2105; TLS2110).

Rujukan

- Akpaprep, J., Jengre, E., & Mogre, A. (2019) The Influence of Leadership Style on Organizational Performance at TumaKavi Development Association, Tamale, Northern Region of Ghana. *Open Journal of Leadership*, 8, 1-22
- Ationg, R., Esa, M.S., Othman, I.W., Mohd Shah, M.K., Yusoff, M.S., Ramlie, H.A., & Mokhtar, S. (2021). Understanding the challenges and the opportunities associated with leadership development for students of higher learning institution in Sabah, Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6 (39). pp. 124-132
- Bass, Bernard. (1990). From transactional to transformational leadership: learning to share the vision. *Organizational Dynamics*, 18(3), 19-31.
- Chester, A.S. (1973): *Leadership Theory: Some Implications of Managers*. New York: John Wiley and Sons.
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Raymond Majumah, A. S. A., Abu Bakar, A. L., Mohd Shah, M. K., & Yusoff, M. S. (2021). Gaya Kepimpinan Tun Razak Menjana Aspirasi Celik Minda Politik Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38), 30-44.
- Esa, M.S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Othman, I. W., Muis, A. M. R. A., Zulhaimi, N. A., & Muda, N. (2021). Elemen Kepimpinan Dalam Kursus Teras Universiti: Kajian Kes Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 18-29.
- Irfan Naufal Umar, & Nurullizam Jamiat. (2011). Pola Penyelidikan ICY dalam Pendidikan Guru di Malaysia: Analisis Prosiding Teknologi Pendidikan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 1-14.

- Laudon, K., & Laudon, J.P. (1997). *Management Information System: New Approaches to Organization and Technology (5th Edition)*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Mohd Norakmar Omar, Siti Noor Ismail, & Abd Latif Kasim. (2019). Hubungan Kepimpinan Teknologi Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(4), 1-21.
- Northouse, G. (2007). *Leadership theory and practice (3rd ed.)*. Thousand Oak, London: Sage Publications, Inc.
- Rusmini Ku Ahmad. (2013). *Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah Murid*. https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/32100655/Intergrasi_Teknologi_Maklumat_dan_Komunikasi_Dalam_Meningkatkan_Kemahiran_Insaniah-libre.pdf
- Som, Shariff. (2016) Kepimpinan teknologi: amalan ICT dan keberkesanan pengurusan guru di sekolah. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Stanley, A. (2014). Approaches, Skills and Styles of Leadership in Organizations. *Review of Public Administration and Management*, 3(5), 53-59.
- Stair, R.M., & Reynolds, G.W. (1999). *Principles of Information Systems: A Managerial approach (4th edition)*. Cambridge: Course Technology.
- Thanh, N.H.T. (2008). Strengthening ICT leadership in developing countries. *The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries*, 34(1), 1-13.
- Zamri Abu Bakar, & Rusmini Ku Ahmad. (2008). *Implementasi ICT dan Kepimpinan Sekolah: Kajian Kes di sekolah-sekolah bestari dan SMJKC*. Prosiding Seminar Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-15.